

TERMA DAN SYARAT KAD DEBIT HONG LEONG

Sebagai pertimbangan Hong Leong Bank Berhad atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (“Bank”) yang bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan yang dipohon oleh Pemegang Kad, dan bersetuju untuk menyediakan kemudahan yang ditawarkan oleh VISA International/MasterCard Worldwide termasuk Affiniti dan berkongsi jenama Kad VISA/MasterCard, Pemegang Kad berjanji dan bersetuju dengan terma dan syarat di bawah.

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun Bank, Terma dan Syarat untuk Hong Leong Connect untuk Perkhidmatan Perbankan Digital Peribadi dan sebarang terma dan syarat akaun yang berkaitan, serta syarat dan peraturan lain yang mengikat pihak Bank. Definisi berikut berkuatkuasa kecuali dinyatakan sebaliknya:-

1.0 Definisi dan Interpretasi

- 1.1 **“Akaun”** bermaksud akaun perbankan atau akaun-akaun dan merangkumi E-Akaun yang dibuka atau mungkin dibuka oleh Pemegang Akaun dengan pihak Bank pada bila-bila masa dan akan merujuk kepada akaun yang berkaitan sebagaimana diperlukan.
- 1.2 **“Affiniti”** bermaksud Kad Debit yang ditawarkan oleh institusi kewangan dalam perkongsian dengan institusi lain.
- 1.3 **“Fi Tahunan”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad setiap tahun.
- 1.4 **“Pihak Berkuasa Yang Berkenaan”** bererti mana-mana kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal percukaian.
- 1.5 **“ATM”** bermaksud mesin juruwang automatik yang dipasang oleh pihak Bank atau mana-mana ahli Konsortium MEPS untuk kegunaan Pemegang Kad.
- 1.6 **“Transaksi Kad ATM”** bermaksud penggunaan Kad Debit untuk pengeluaran tunai dan transaksi elektronik atau mana-mana kad yang mungkin diluluskan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.
- 1.7 **“Rangkaian Tunai Dibenarkan”** bermaksud cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh ahli MEPS, VISA International/MasterCard Worldwide untuk melaksanakan pengeluaran wang tunai.
- 1.8 **“Saudagar Dibenarkan”** bermaksud mana-mana peruncit atau perbadanan yang mana selaras dengan Perjanjian Saudagar bersetuju untuk menerima atau menyebabkan outletnya menerima Kad Debit untuk pembayaran atau menurut kepada perkiraan undang-undang dengan MyDebit/VISA /MasterCard bersetuju untuk menerima atau menyebabkan rangkaianannya untuk menerima kemudahan yang ditawarkan bergabung atau berkongsi jenama VISA International/MasterCard Worldwide untuk pembayaran.
- 1.9 **”Transaksi Auto Debit”** bermaksud pembayaran ulangan melalui Kad Debit untuk utiliti, insurans atau caj takaful yang diluluskan oleh pihak Bank saja.
- 1.10 **“Bank”** bermaksud sama ada Hong Leong Bank Berhad (97141-X) atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) dan termasuk pewaris-namanya dan pemegang serah-hak dibenarkan.
- 1.11 **“Faedah Bonus”** bermaksud kadar faedah yang dianugerahkan kepada baki Akaun Pembelian Runcit apabila Pemegang Kad menggunakan Kad Debit untuk Transaksi Pembelian Runcit.
- 1.12 **“Hari Perniagaan”** bermaksud hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan di Malaysia Barat dan Malaysia Timur, sebagaimana keadaannya, dan di mana transaksi dalam bentuk yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini dilaksanakan.

- 1.13 **“Pemegang Kad”** bermaksud Pemegang Kad Bank yang mana Kad Debit diterbitkan kepadanya.
- 1.14 **“Fi Penggantian Kad”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad jika kad hilang, dicuri atau rosak.
- 1.15 **“Transaksi Kad”** bermaksud transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit untuk urus niaga tempatan dan luar negara; transaksi secara bersemuka menggunakan Kad dan transaksi secara tidak bersemuka tanpa menggunakan Kad dan Transaksi Tanpa Sentuhan (di mana berkenaan).
- 1.16 **“Transaksi menggunakan Kad ”** bermaksud bayaran Transaksi Kad di mana Pemegang Kad mengemukakan Kad Debit secara fizikal untuk pemeriksaan peniaga pada masa bayaran untuk transaksi. Transaksi menggunakan Kad termasuk dan tidak terhad kepada pengeluaran tunai di ATM dan pembelian runcit.
- 1.17 **“Transaksi tanpa menggunakan Kad ”** bermaksud bayaran Transaksi Kad di mana Pemegang Kad tidak mengemukakan Kad Debit secara fizikal untuk pemeriksaan peniaga pada masa bayaran untuk transaksi. Transaksi tanpa menggunakan Kad termasuk dan tidak terhad kepada Transaksi Auto Debit, MOTO and urus niaga dalam talian.
- 1.18 **“Baki Semasa”** bermaksud baki atau tunai terkini yang ada di dalam akaun simpanan atau semasa Pemegang Kad.
- 1.19 **“Fi Pengeluaran Tunai”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk pengeluaran tunai berjaya dari ATM.
- 1.20 **“Transaksi Tanpa Sentuhan”** bermaksud kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan pengenalan frekuensi radio (RFID) bagi membuat pembayaran dengan menyentuh/melambai Kad Debit pada pembaca selamat.
- 1.21 **”Kad Karakter”** merujuk kepada Kad Debit Hello Kitty atau Transformers yang dikeluarkan oleh Bank.
- 1.22 **“Had Pengeluaran Tunai Harian”** bermaksud had maksimum dibenarkan yang ditetapkan oleh pihak Bank berhubung pengeluaran tunai melalui ATM.
- 1.23 **“Had Pemindahan Harian”** bermaksud had maksimum harian yang ditetapkan oleh Bank berkenaan dengan pemindahan wang melalui ATM dan/atau Respon Suara Interaktif (“IVR”)
- 1.24 **“Kad Debit”** bermaksud Kad Debit MyDebit/VISA/MasterCard Hong Leong yang dikeluarkan oleh Bank.
- 1.25 **“E-Akaun”** bermaksud akaun tanpa buku, boleh diakses oleh Pemegang Kad secara akses luaran melalui Portal Hong Leong Connect atau mana-mana portal, laman web, rangkaian yang mungkin dimaklumkan oleh pihak Bank.
- 1.26 **“Fi”** termasuk fi perlu dibayar oleh Pemegang Kad semasa permohonan, tahunan atau sebarang jarak waktu yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank untuk menggunakan Perkhidmatan yang akan didebit dari Akaun pada setiap tarikh ulangtahun Kad Debit dikeluarkan dan akan merangkumi semua fi lain, caj perkhidmatan, komisyen dan lain-lain bayaran yang dicaj oleh pihak Bank di bawah Terma dan Syarat perkhidmatan elektronik ini. Pihak Bank berhak untuk mengubah Fi dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad.
- 1.27 **“Pemegang Kad Biasa”** bermaksud Pemegang Kad bukan Perbankan Prioriti.
- 1.28 **“Tarikh Baik Sehingga”** bermaksud tarikh luput yang dicetak pada Kad Debit.

- 1.29 **“Barangan dan Perkhidmatan yang mematuhi Syariah”** bermaksud barangan & perkhidmatan yang boleh diterima dan mematuhi Syariah.
- 1.30 **“Hong Leong Connect”** bermaksud saluran Perbankan Internet yang ada untuk Pemegang Kad melakukan transaksi perbankan dalam talian dan mengakses sejarah transaksi melalui Aplikasi Hong Leong Connect, www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my (“Laman Web Bank”).
- 1.31 **“Respon Suara Interaktif”** bermaksud sistem telefon automatik yang berinteraksi dengan Pemegang Kad melalui kombinasi input telefon suara dan pemilihan papan kunci sentuh nada dan memberikan respon yang sesuai kepada Pemegang Kad.
- 1.32 **“Pemegang Akaun Bersama”** bermaksud mana-mana Akaun yang ada dua (2) atau lebih nama bersama atau mempunyai dua (2) atau lebih yang diberi kuasa penandatanganan.
- 1.33 **“MasterCard”** atau **“MasterCard Worldwide”** bermaksud MasterCard Worldwide, sebuah syarikat keahlian yang dianjurkan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat.
- 1.34 **“MCCS”** bermaksud Chip Kad Spesifikasi Malaysia, iaitu spesifikasi Chip dan Pin untuk Kad Debit domestik.
- 1.35 **“Konsortium MEPS”** bermaksud pihak bank dan institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam Rangkaian ATM MEPS yang diuruskan oleh Malaysia Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd.
- 1.36 **“Perjanjian Saudagar”** bermaksud perjanjian yang ditandatangani di antara pedagang dibenarkan dan pihak Bank.
- 1.37 **“Fi Penyata Bulanan”** bermaksud fi bulanan yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk penyata bulanan Kad Debit yang dicetak (Satu ciri pilihan untuk Pemegang Kad Debit VISA saja).
- 1.38 **“MOTO”** ertinya Pesanan Mel Pesanan Telefon yang merupakan jenis Transaksi Kad-Tidak-Hadir di mana Perkhidmatan diselesaikan dan dibayar melalui telefon, mel, faks atau e-mel.
- 1.39 **“MyKad”** bermaksud kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia kepada Pemegang Kad untuk mengenalpasti and megesahkan identiti Pemegang Kad.
- 1.40 **“MyDebit”** bermaksud suatu skim pembayaran kad yang membenarkan Pemegang Kad untuk membuat bayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dengan mendebitkan terus dari Had Belian Runcit Pemegang Kad.
- 1.41 **“Had Belian Dalam Talian”** bermaksud had transaksi yang terpakai ke atas Transaksi Kad yang dilaksanakan dalam talian melalui internet.
- 1.42 **“Pembelian Petrol”** bermaksud semua transaksi yang dibuat dengan Kad Debit untuk pembayaran petrol dan mana-mana pembayaran lain yang dilakukan di kiosk petrol.
- 1.43 **“PIN”** bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi Pemegang Kad sama ada dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad atau dipilih oleh Pemegang Kad di mana-mana cawangan pihak Bank selaras dengan prosedur permohonan untuk Perkhidmatan ATM dan termasuk perubahan mengenainya yang dibuat oleh Pemegang Kad Debit pada hari yang sama sebagaimana mungkin, dari masa ke semasa.
- 1.44 **“Tarikh Pengeposan”** bermaksud tarikh di mana sebarang Transaksi Kad didebit ke Akaun Pemegang Kad Debit.
- 1.45 **“Pemegang Kad Perbankan Prioriti”** bermaksud Pemegang Kad dengan status Perbankan Prioriti yang diperakui oleh pihak Bank.

- 1.46 **“Pemegang Kad Utama”** bermaksud individu pertama yang disenaraikan sebagai Pemegang akaun/Pemegang Kad.
- 1.47 **“Dasar Privasi”** bermaksud dasar dan prinsip pihak Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan yang boleh didapati di laman web pihak Bank atau dalam apa-apa cara yang pihak Bank difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.
- 1.48 **“Had Belian Runcit”** bermaksud had transaksi yang dikuatkuasakan bagi Transaksi Kad termasuk Transaksi Tanpa Sentuhan yang dibuat di kedai runcit, atau mana-mana kedai lain di mana Kad Debit boleh diterima untuk pembayaran.
- 1.49 **“Akaun Pembelian Runcit”** bermaksud akaun yang dikaitkan dengan Kad Debit untuk membuat transaksi pembelian runcit.
- 1.50 **“Transaksi Pembelian Runcit”** bermaksud transaksi yang menggunakan Kad Debit di Saudagar Dibenarkan di mana Kad Debit boleh diterima untuk pembayaran secara tempatan dan di luar negara termasuk pembelian secara dalam talian, Touch 'n Go tambah nilai secara automatik, Pembelian Petrol, Auto Bill/transaksi urusaniaga yang berulang dan tidak termasuk pengeluaran wang tunai, pemindahan dana, pembayaran yuran tahunan dan perkhidmatan lain/yuran pelbagai seperti yang ditakrifkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.
- 1.51 **“Fi Pencarian Rekod Jualan”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad apabila Pemegang Kad memohon untuk mendapatkan rekod jualan yang diisu oleh Saudagar Dibenarkan dari pihak Bank. Fi ini juga dikenakan semasa penyiasatan kes pertikaian apabila Pemegang Kad memohon untuk melihat rekod jualan yang berkaitan.
- 1.52 **“Kod Keselamatan”** bermaksud kod keselamatan yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad untuk mengakses Perkhidmatan berkaitan merangkumi PIN (untuk Perkhidmatan ATM), TPIN (untuk Perkhidmatan Perbankan Telefon, perbankan mudahalihan yang diakses melalui saluran elektronik), IPIN (untuk Hong Leong Connect), TAC (untuk Hong Leong Connect) dan termasuk lain-lain nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital atau lain-lain kod keselamatan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak Bank dari masa ke semasa untuk mengakses semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan untuk terma “Kod Keselamatan” akan bermaksud kod keselamatan atau kod-kod berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut sebagaimana diperlukan.
- 1.53 **“Perkhidmatan”** bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank untuk memudahkan Transaksi Kad, Transaksi Tanpa Sentuhan, transaksi e-Debit Kad Debit, Perbankan Telefon, Perkhidmatan Pembayaran Perbankan, atau mana-mana perkhidmatan elektronik, digital, visual, video atau lain-lain seperti perkhidmatan baru atau tambahan yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi membolehkan Pemegang Kad untuk melaksanakan transaksi perbankan dan lain-lain dan Perkhidmatan itu boleh ditambah, diubah atau ditarik balik oleh pihak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu.
- 1.54 **“Arahan Tetap”** bermaksud pembayaran melalui Kad Debit atau Akaun Pemegang Kad untuk tujuan pembayaran balik pinjaman harta dan pembayaran balik pinjaman, pembayaran balik kad kredit atau tujuan pembayaran pembiayaan yang dimulakan melalui cawangan pihak Bank.
- 1.55 **“Penyata”** bermaksud penyata akaun mencerminkan urusaniaga yang dilaksanakan dengan Kad Debit, di mana Pemegang Kad boleh mendapatkan penyata bercetak dengan bayaran fi, atau yang boleh diakses secara percuma melalui perkhidmatan perbankan dalam talian pihak Bank, iaitu Hong Leong Connect dan/atau melalui apa-apa perantara elektronik lain seperti yang dinasihatkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad, atau dikemaskini dalam Buku Akaun

Simpanan/Akaun Simpanan-i Pemegang Kad atau Penyata Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau slip transaksi yang dijana daripada ATM.

- 1.56 **"Cukai"** membawa maksud cukai yang dikenakan pada masa terkini atau masa yang akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara termasuk levi,impos, duti, upah, bayaran, potongan harga atau sebarang sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk, tanpa had, mana-mana cukai penggunaan seperti cukai barangan dan perkhidmatan ("GST") dan cukai-cukai yang lain dan apa-apa faedah, denda atau penalti yang berkenaan.
- 1.57 **"Tarikh Transaksi"** bermaksud tarikh di mana Transaksi Pembelian Runcit tersebut menggunakan Kad Debit di Saudagar Dibenarkan di mana Kad Debit adalah diterima untuk pembayaran.
- 1.58 **"Resit Transaksi"** bermaksud bayaran yang berkaitan slip, borang atau kertas yang dibekalkan kepada/oleh Bank kepada/oleh Saudagar Dibenarkan atau di dalam ATM untuk tujuan merekod, mengesah dan membuktikan pembelian atau transaksi lain yang dilakukan oleh Pemegang Kad melalui penggunaan Kad Debit yang akan dicajkan dan didebitkan daripada Akaun atau pengesahan yang diberikan kepada Pemegang Kad untuk transaksi kewangan yang dilakukan melalui Hong Leong Connect.
- 1.59 **"VISA" atau "VISA International"** bermaksud VISA International Service Association, sebuah syarikat yang dianjurkan di bawah Negeri Delaware dengan pejabat utamanya di 3125 Clearview Way, San Mateo, CA 94402, Amerika Syarikat di mana pihak Bank adalah ahli institusi.

2.0 Tanggungjawab Pemegang Kad

- 2.1 Dengan menggunakan Kad Debit, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini sebagaimana yang diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar. Notis tentang perubahan atau pindaan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam sebarang bentuk atau kaedah seperti yang ditetapkan oleh Bank.
- 2.2 Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah wajar untuk memastikan dan mencegah penggunaan tanpa kebenaran dan secara fraud dan meyalahi undang-undang ke atas Perkhidmatan atau sebahagian daripadanya dan Kod Keselamatan Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

2.2.1) Kod Keselamatan hendaklah dirahsiakan dan apabila Pemegang Kad menerima Kod Keselamatan ia hendaklah ditukar sertamerta apabila telah diterima dan dibaca, dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad sahaja dan bukan orang lain. Jika Kod Keselamatan tidak dikeluarkan kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad dinasihatkan agar mencipta Kod Keselamatan sendiri sebagai syarat untuk mengakses Perkhidmatan.

2.2.2) Bahawa tidak ada orang lain selain daripada Pemegang Kad mempunyai akses atau mampu mempunyai akses Kod Keselamatan untuk membolehkan dia melakukan sebarang transaksi melalui mana-mana Perkhidmatan dan Kod Keselamatan tidak ditulis dalam apa jua bentuk atau cara termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman web selain daripada laman Web Bank rasmi yang boleh ditafsirkan oleh pihak ketiga atau disimpan bersama atau didedahkan atau didedahkan kepada mana-mana orang (termasuk pekerja pihak Bank) di bawah apa-apa keadaan atau pada bila-bila masa.

2.2.3) Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan Kod Keselamatan kepada mana-mana pihak di bawah apa jua sebab atau cara sama ada secara sukarela atau sebaliknya dan hendaklah mengambil segala langkah wajar untuk mencegah Kod Keselamatan daripada diketahui oleh pihak lain. Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit, yang mana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab. Pemegang

Kad mesti melaporkan sebarang pelanggaran Kod Keselamatan atau kehilangan Kod Keselamatan kepada pihak Bank dengan secepat yang mungkin, apabila Pemegang Kad menyedari tentang pelanggaran atau kerugian masing-masing. Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk menanggung kerugian dan untuk mengecualikan pihak Bank daripada semua tuntutan dan liabiliti daripada semua pihak yang timbul daripada penggunaan yang tidak dibenarkan itu.

2.2.4) Bahawa baki Akaun, Penyata Akaun dan Transaksi Kad diperiksa dan dipantau oleh Pemegang Kad secara kerap dan teliti dan diperiksa setiap kali sebelum memberikan apa-apa arahan kepada pihak Bank. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera tentang apa-apa yang tidak dibenarkan, penipuan, menyalahi undang-undang urus niaga, kesilapan atau percanggahan dalam Akaun.

2.2.5) Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa dana di dalam Akaun adalah mencukupi untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad yang diarahkan oleh Pemegang Kad.

2.2.6) Pemegang Kad akan mencipta PIN dan PIN telefon ("TPIN") sendiri pada ATM Bank untuk tujuan melaksanakan transaksi ATM atau transaksi elektronik. Pemegang Kad dikehendaki untuk tidak mendedahkan PIN dan/atau TPIN kepada mana-mana pihak ketiga dan akan bertanggungjawab kepada pihak Bank untuk sebarang kemasukan debit di dalam Akaun dengan pihak Bank yang diakibatkan oleh Transaksi Kad tanpa kebenaran.

2.2.7) Untuk melakukan pembelian dengan menggunakan Kad Debit di mana-mana Saudagar Dibenarkan, Pemegang Kad boleh mengesahkan Transaksi Kad dengan (i) menandatangani pada Resit Urus Niaga yang disediakan oleh Saudagar Dibenarkan; (ii) memasukkan PIN di terminal Tempat Jualan; atau (iii) melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan. Penerimaan Bank untuk Resit Urus Niaga atau apa-apa dokumen pulangan dengan tandatangan Pemegang Kad (jika ada) akan menjadi bukti yang mengikat dan muktamad bahawa Urus Niaga Kad dan amaun yang direkod padanya adalah dilakukan oleh Pemegang Kad selaras dengan Terma dan Syarat ini. Untuk pembelian atau penggunaan Kad Debit yang dibuat secara transaksi online, melalui terminal e-debit MEPS atau transaksi bukan berasaskan tandatangan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian petrol, transaksi online, Pemegang Kad bersetuju bahawa resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau sekutunya untuk transaksi tersebut akan dianggap sebagai bukti dokumen yang memuaskan sebagai penggunaan dan Pemegang Kad hendaklah mematuhi Terma dan Syarat ini.

2.2.8) Tanpa mengambilkira peruntukan yang dinyatakan di dalam Klausula 2.2.7 di atas, tandatangan/PIN tidak akan menjadi syarat tunggal duluan kepada liabiliti Pemegang Kad berkenaan perkhidmatan yang dibekalkan, dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk Transaksi Kad jika pihak Bank berpendapat bahawa tandatangan tidak dibuat atau tiada tandatangan adalah disebabkan oleh keadaan dan/atau kaedah transaksi yang digunakan atau akibat kesilapan dari pihak Pemegang Kad dan/atau Saudagar Dibenarkan dan ahli bank MyDebit/VISA/MasterCard berdasarkan bukti dokumen yang memuaskan. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab ke atas transaksi tersebut.

2.2.9) Pemegang Kad hendaklah mematuhi semua keperluan, arahan, suruhan, dan garis panduan tentang penggunaan Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua Perkhidmatan kepada Pemegang Kad.

2.2.10) Pemegang Kad bersetuju untuk menandatangani di belakang Kad Debit dia sebaik sahaja dia menerimanya dan sebelum menggunakannya, sebagai langkah mencegah penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit tersebut.

2.2.11) Kad Debit adalah sah sehingga Tarikh Luput. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad Debit luput, ianya perlu dimusnahkan, dengan memotong dua secara melintang dan mengembalikannya kepada pihak Bank untuk penggantian Kad Debit. Pihak Bank akan mengirim surat pembaharuan kepada Pemegang Kad untuk memaklumi Pemegang Kad untuk mengunjungi cawangan Bank yang terdekat atau mana-mana cawangan Bank untuk

memperolehi Kad Penggantian. Surat pembaharuan kepada Pemegang Kad akan dikirimkan **tiga puluh (30)** hari sebelum Tarikh Baik Sehingga.

2.2.12) Kad Debit tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh, atau pengeluaran atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi Pemegang Kad Bank.

2.2.13) Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk pengeluaran tunai, bayaran atau pemindahan dana melainkan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun. Sebarang pengeluaran tunai, bayaran atau pindahan dana akan ditolak jika tidak terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun.

2.2.14) Sekiranya tidak terdapat dana mencukupi di dalam Akaun dan Pemegang Kad tidak mempunyai kemudahan overdraf atau mana-mana barisan kredit tersedia, semua Transaksi Kad di Saudagar Dibenarkan akan ditolak.

2.2.15) Jika Akaun telah terlebih-guna, Pemegang Kad akan, apabila dituntut oleh pihak Bank, membayar amaun terlebih-guna serta faedah yang dikenakan yang akan dikira atas dasar kadar faedah overdraf terkini Akaun Semasa Bank (Tidak terbuka untuk Akaun Simpanan-i dan Akaun Semasa-i).

2.2.16) Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad Debit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika Bank mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan dianggap sesuai untuk memenuhi apa-apa kewajipan yang berkaitan dengan pencegahan apa-apa aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, perubahan wang haram, aktiviti/pembiayaan pengganas, rasuah, penyalahgunaan wang dan/atau pengelakan cukai.

2.2.17) Di mana Pemegang Kad menjadikan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i sebagai Akaun Pembelian Runcit, Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa Kad Debit tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang tidak mematuhi Syariah atau maksud/tujuan yang dinyatakan di klausa 11A di bawah dan yang boleh menyebabkan transaksi tersebut ditolak.

2.2.18) Pemegang Kad dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa Pemegang Kad telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan Pemegang Kad untuk Akaun atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada pihak Bank bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa Pemegang Kad atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh pihak Bank (" Subjek Data Relevan "), untuk koleksi pihak Bank, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada subjek Data Relevan mengikut Dasar Privasi pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

2.2.19) Sekiranya Pemegang Kad menggantikan Kad Debit beliau dengan Kad Debit baru kerana hilang/dicuri/pembaharuan atau apa-apa sebab lain, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua Saudagar Dibenarkan berkaitan yang beliau telah melanggan auto debit/transaksi debit langsung untuk mengemaskini nombor Kad Debit baru untuk mengelakkan transaksi daripada ditolak.

2.2.20) Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Pemegang Kad dan/atau diperoleh oleh Bank dari domain awam, dan juga data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pemegang Kad berhubung dengan Akaun-Akaun yang selaras dengan Dasar Privasi Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

2.2.21) Pemegang Kad yang ingin dikecualikan daripada pekongsian data peribadi mereka di dalam kumpulan syarikat Bank dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi perlu mengunjungi mana-mana cawangan Bank atau menghubungi

Pusat Hubungan Bank di **03-7626 8899** untuk mendaftar permintaan mengecualikan pekongsian tersebut.

2.2.22) Pemegang Kad hendaklah segera memberitahu pihak Bank jika ada apa-apa perubahan dalam butir-butir perhubungan dan/atau peribadi Pemegang Kad sama ada secara bertulis, mengunjungi cawangan Bank atau menghubungi Pusat Hubungan Bank di **03-7626 8899**.

2.2.23) Pihak Bank tidak mewakili atau menjamin bahawa penggunaan Kad Debit tidak akan tanpa gangguan atau kesilapan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kesulitan, rasa malu, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang dalam apa-apa cara mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau mana-mana orang lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan dan Pemegang Kad tidak mempunyai tuntutan terhadap Bank jika Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan tidak diterima atau dihormati oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau apa-apa sebab sekalipun.

2.2.24) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Kad Debit atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan adalah atas risiko mutlak Pemegang Kad. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan dan/atau kerugian yang ditanggung berhubung dengan penggunaan Kad Debit atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan bagi barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau kualiti atau pelaksanaan apa-apa barangan atau perkhidmatan selaras dengan atau berhubung dengan apa-apa transaksi yang dibuat pada Kad Debit. Pemegang Kad akan menyelesaikan secara langsung dengan Saudagar Dibenarkan bagi apa-apa aduan yang timbul daripada Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan.

2.2.25) Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa jika Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu (1) kad atau instrumen pembayaran dengan teknologi tanpa sentuh, iaitu instrumen pembayaran dengan keupayaan untuk melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan, Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa kad tersebut disimpan secara berasingan daripada Kad Debit untuk mengelakkan urus niaga perlanggaran yang akan menyebabkan kedua-dua kad didebitkan untuk jumlah urus niaga yang berkaitan.

3.0 Transaksi Tanpa Sentuhan

3.1 Terdapat dua (2) jenis Transaksi Tanpa Sentuhan iaitu:

- 1) MCCS Tanpa Sentuhan - kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan MCCS Tanpa Sentuhan logo; dan
- 2) VISA payWave - kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian VISA yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo VISA payWave.

3.2 Setiap Transaksi Tanpa Sentuhan dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) bagi setiap transaksi ("Had Transaksi Tanpa Sentuhan") dengan had Transaksi Tanpa Sentuhan kumulatif Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800). Sahaja atau had lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pemegang Kad pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut Klausula 3.3 ("Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif"). Dalam kes di mana Transaksi Tanpa Sentuhan telah melebihi Had Transaksi Tanpa Sentuhan bagi setiap Transaksi Tanpa Sentuhan dan/atau telah mencapai Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif, Pemegang Kad dikehendaki untuk memasukkan PIN pada titik point-of-sales terminal jualan sebelum Pemegang Kad akan dapat meneruskan transaksi, di mana Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif akan ditetapkan.

3.3 Pemegang Kad boleh menetapkan Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif pilihan mereka dari RM0 – RM800 melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara. Jika Pemegang Kad tidak ingin menggunakan fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan, Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif hendaklah ditetapkan kepada **sifar, iaitu RM0**.

- 3.4 Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif Pemegang Kad adalah subset had pembelian runcit Pemegang Kad. Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif tidak akan lebih daripada had pembelian runcit yang ditetapkan oleh Pemegang Kad. Jika had pembelian runcit Pemegang Kad adalah kurang daripada Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif, Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif Pemegang Kad secara automatik akan default kepada had pembelian runcit. Contoh, jika Pemegang Kad telah menetapkan had pembelian runcit kepada RM0, Had Transaksi Tanpa Sentuhan Kumulatif akan menjadi RM0, contoh, fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan akan dipadamkan.

4.0 Penyata Pemegang Kad

- 4.1 Pemegang Kad boleh menyemak Penyata Akaun mereka secara percuma melalui Hong Leong Connect yang meliputi, antara lain, Transaksi Kad dan Tarikh Kemaskini Transaksi Kad yang dilakukan oleh Pemegang Kad untuk tempoh yang dinyatakan.
- 4.2 Atas permintaan oleh Pemegang Kad VISA, Penyata bulanan bercetak (ciri-ciri pilihan untuk Pemegang Kad VISA sahaja) akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad yang terakhir dicatatkan di dalam rekod pihak Bank. Caj perkhidmatan bulanan akan didebitkan dari dalam Akaun. Penyata bulanan yang dicetak menunjukkan semua Transaksi Kad, Tarikh dan Transaksi Kemaskini untuk bulan yang berkenaan. Pemegang Kad boleh meminta Penyata dicetak pada bila-bila masa dan pihak Bank akan mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dan Ringgit Malaysia Dua (RM2.00) bagi setiap halaman untuk Penyata sehingga satu (1) tahun yang lalu atau Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dan Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) bagi setiap halaman untuk Penyata lebih daripada satu (1) tahun yang lalu untuk setiap permintaan.
- 4.3 Rekod dan catatan dalam Akaun dengan pihak Bank yang terdapat pada penyata bulanan akan dianggap sebagai tepat dan mengikat ke atas Pemegang Kad kecuali maklumat bertulis bertentangan dengannya diberi oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank dalam masa empat belas (14) hari selepas menerima Penyata.
- 4.4 Jika atas sebarang sebab Pemegang Kad tidak memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis dalam masa **empat belas (14)** hari tentang sebarang percanggahan di dalam Penyata maka Pemegang Kad akan dianggap telah menerima rekod dan catatan di dalam Penyata sebagai betul, akhir dan muktamad. Penyata itu hendaklah dianggap sebagai muktamad dan terikat kepada Pemegang Kad, wakil perundangan dan pengganti Pemegang Kad, dan sebarang tuntutan atau dakwa terhadap pihak Bank adalah tidak sah.
- 4.5 Apabila menerima maklumat bertulis tersebut oleh pihak Bank yang diberi oleh Pemegang Kad dalam tempoh yang dinyatakan, pihak Bank akan menyiasat Akaun untuk membuat pelarasan dan pembetulan yang sewajarnya, jika ada. Sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau dibayar oleh Pemegang Kad akan dikredit atau didebit ke dalam Akaun berkaitan.
- 4.6 Hanya Transaksi Kad yang telah disahkan dengan sewajarnya oleh pihak Bank akan muncul di dalam Penyata Akaun Pemegang Kad
- 4.7 Pemegang Kad juga boleh mendapatkan rekod **sepuluh (10)** transaksi terakhir Akaun Simpanan atau Semasa/Akaun-i melalui ATM. Di dalam rekod transaksi ATM yang dikeluarkan oleh ATM, semua Transaksi Belian Runcit diwakili oleh perkataan **tiga (3)**-huruf "POS".

5.0 Pemegang Akaun Bersama

- 5.1 Untuk Pemegang Akaun Bersama, salah seorang pemegang akaun boleh mengeluarkan arahan dan membenarkan pihak Bank untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad ke atas akaun bersama. Semua Transaksi Kad yang dilakukan akan mengikat ke atas semua pemegang kad, yang bertanggungjawab secara bersama dan bersendirinya. Mandat pemegang akaun bersama tidak akan ditarik-balik kecuali dan sehingga pemegang akaun bersama yang mana mandatnya akan ditarik-balik menyerahkan Kad Debit kepada pihak Bank.

6.0 Pegangan atas Akaun

- 6.1 Pihak Bank mungkin akan mendebit atau mengenakan pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit untuk amaun Transaksi Kad sama ada pada hari ianya diserahkan kepada pihak Bank untuk bayaran atau pada hari pihak Bank menerima makluman mengenai Transaksi Kad, yang mana lebih awal.
- 6.2 Pegangan ke atas akaun adalah sah untuk semua transaksi runcit yang dilakukan di stesyen minyak, hotel dan hospital. Jika Saudagar Dibenarkan meminta kebenaran untuk sebarang Transaksi Kad, pihak Bank mungkin akan mengenakan pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit untuk amaun Transaksi Kad tersebut. Baki tersedia di dalam Akaun untuk digunakan oleh Pemegang Kad akan berkurangan sejajar dengan amaun yang dipegang.
- 6.3 Bagi mengelakkan keraguan, bagi segala Pembelian Petrol oleh Pemegang Kad di dispenser bahan api automatik di stesen minyak, jumlah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) ("Jumlah Pra-Kuasa") akan diberikan oleh pihak Bank dalam Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad sehingga tiga (3) Hari Perniagaan atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diberitahu oleh pihak Bank. Jumlah Pra-Kuasa akan ditempatkan di Akaun Bertahan oleh pihak Bank dan akan dilepaskan apabila pihak Bank menerima bukti jumlah transaksi sebenar, dan Akaun Pemegang Kad akan didebitkan dengan jumlah transaksi sebenar tersebut.
- 6.4 Pemegang Kad tidak boleh memberhentikan pembayaran ke atas Transaksi Kad. Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini dinyatakan bahawa hak pihak Bank untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit berhubung sebarang Transaksi Kad tidak terhad kepada amaun yang diletakkan dalam pegangan yang berkaitan dengan Transaksi Kad dan pihak Bank berhak untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit untuk amaun penuh atas Transaksi Kad. Pihak Bank juga berhak untuk menaikkan amaun yang perlu dipegang berkaitan mana-mana Transaksi Kad yang berdenominasi dalam matawang lain selain dari Ringgit Malaysia jika pihak Bank berpendapat amaun asal yang dipegang tidak mencukupi untuk membayar Transaksi Kad sepenuhnya apabila ditukar ke matawang asing tersebut.
- 6.5 Pihak Bank berhak menurut budi bicaranya untuk meletakkan amaun tersebut dalam pegangan sehingga **tiga (3)** Hari Perniagaan atau untuk tempoh yang dianggap wajar. Pihak Bank akan mendebit amaun untuk dipegang atas Akaun Pembelian Runcit apabila Transaksi Kad berkaitan diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran. Pihak Bank akan melepaskan amaun dipegang jika Transaksi Kad berkaitan tidak diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran dalam tempoh yang dianggap wajar oleh pihak Bank. Pemegang Kad juga bersetuju bahawa pihak bank berhak untuk meletakkan semula pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit dan mendebit Akaun Pembelian Runcit jika Transaksi Kad akhirnya berkemungkinan akan atau diserahkan untuk bayaran oleh Saudagar Dibenarkan selepas tamat tempoh **tiga (3)** Hari Perniagaan. Pemegang Kad bersetuju bahawa semua resit yang diserahkan oleh Saudagar Dibenarkan untuk Transaksi Kad melalui Resit Transaksi termasuk pengesahan penerimaan dan perakuan akan dianggap bukti akhir dan muktamad penggunaan oleh Pemegang Kad.
- 6.6 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan mana-mana amaun yang dipegang, tanpa mengambilkira mana-mana terma dan syarat lain yang mentadbir Akaun Pembelian Runcit.
- 6.7 Pihak Bank hanya akan mengkreditkan Akaun Pembelian Runcit dengan kembalian yang dibuat oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau perbadanan yang berkaitan dengan mana-mana transaksi runcit/transaksi E-Debit selepas pihak Bank menerima baucer kredit yang dikeluarkan dengan betul. Kembalian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada Pemegang Kad memulangkan semula barangan ke outlet runcit selepas pembelian.

7.0 Pemilikan dan Kad Debit Hilang atau Dicuri

- 7.1 Pemegang Kad hendaklah mengambil segala langkah keselamatan untuk mengelakkan Kad Debit daripada kehilangan atau kecurian dan Pemegang Kad tidak boleh meninggalkan Kad Debit tanpa dijaga atau mendedahkan PIN dan/atau butiran Kad Debit kepada mana-mana pihak ketiga. Sekiranya berlaku kehilangan dan/atau kecurian Kad Debit dan/atau pendedahan PIN dan/atau butiran kepada pihak yang tidak dibenarkan, Pemegang Kad apabila menyedarinya hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta (jika perkara tersebut berlaku di Malaysia) atau Pusat Perkhidmatan Perjalanan VISA atau mana-mana ahli MasterCard Worldwide atau rakan sekutunya yang berhampiran (jika perkara tersebut berlaku di luar negara) melalui telefon, telegram, faksimili atau emel, dan mengesahkan perkara yang sama secara bertulis kepada pihak Bank dengan menyertakan laporan polis. Pemegang Kad memahami sepenuhnya bahawa kegagalan untuk menjaga dan mengambil langkah keselamatan yang munasabah dalam penyimpanan Kad Debit boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada risiko kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit.
- 7.2 Pihak Bank berhak bertindak atas arahan telefon yang diterima oleh pihak Bank daripada Pemegang Kad dan/atau wakilnya yang diberikuasa oleh Pemegang Kad (jika berkenaan dan mengikut mana-mana yang berkenaan) ("Orang yang Diberi Kuasa") dengan niat yang baik dan mengikut operasi yang biasa. Berhubung dengan ini, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan telefon yang diberikan oleh Orang yang Diberi Kuasa tersebut tidak kira keadaan yang wujud pada masa arahan tersebut.
- 7.3 Jika berlaku kecurian/kehilangan dan akibat dari kecurian/kehilangan tersebut, Kad Debit telah digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan untuk sebarang Transaksi Kad, Pemegang Kad bersetuju bahawa Pemegang Kad akan bertanggungjawab kepada pihak Bank ke atas semua caj tanpa kebenaran yang ditanggung termasuk caj kewangan untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh Saudagar dibenarkan, akibat penggunaan Kad Debit oleh pihak yang tidak dibenarkan tersebut sehingga tarikh penerimaan oleh pihak Bank makluman bertulis dari Pemegang Kad yang dinyatakan di dalam Klausula 7.1 di atas dan tertakluk kepada terma dan syarat Klausula 7.4 di dalam ini.

Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada pihak Bank supaya tidak melayan Kad Debit asal yang tersebut di atas sekiranya Kad Debit yang sama diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran dan Pemegang Kad membuat akujanji untuk memulangkan Kad Debit asal kepada pihak Bank apabila kad itu dijumpai melainkan Pemegang Kad telah gagal memberitahu pihak Bank tentang kehilangan Kad Debit itu, sebaik sahaja hal itu semunasabahnya boleh dilakukan setelah mendapati Kad Debit itu hilang atau dicuri.

Sebagai balasan kepada pihak Bank mengeluarkan kad gantian bagi kad asal kepada Pemegang Kad, maka Pemegang Kad bersetuju melepaskan pihak Bank daripada liabiliti dan menanggung rugi pihak Bank terhadap segala tuntutan, dakwaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung dan boleh dikenakan kepada pihak Bank sekiranya kad asal digunakan atau diurusniagakan dengan apa-apa cara sekarang atau pada masa akan datang atau sebagai akibat daripada tindakan pihak Bank mengeluarkan Kad Debit gantian kepada Pemegang Kad atas permintaan Pemegang Kad dan untuk ini pihak Bank boleh mendebitkan Akaun dan/atau tolak-selesai jumlah tersebut daripada mana-mana akaun berkedudukan kredit di bawah nama Pemegang Kad.

Terma ini akan mengikat Pemegang Kad atau wakil, pengganti hakmilik dan pemegang serah haknya.

- 7.4 Selepas pihak Bank menerima pemakluman dalam cara yang dinyatakan di dalam Klausula 6.1 di atas mengenai kehilangan/kecurian Kad Debit dari Pemegang Kad dan jika sebarang transaksi tidak dibenarkan telah dibuat ke atas Kad Debit, Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa izin dan Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian dialami daripada transaksi yang tidak diizinkan yang berlaku selepas Pemegang Kad telah beritahu Bank bahawa kad dia telah disalahgunakan, hilang atau dicuri atau sekuriti Kad Debit dan/atau PIN telah dilanggar kecuali pihak Bank berjaya membuktikan bahawa Pemegang Kad telah bertindak secara fraud atau menyalahi undang-undang atau telah gagal memaklumkan kepada pihak Bank mengenai kehilangan Kad Debit secepat mungkin setelah menyedari Kad

Debit tersebut telah hilang atau dicuri. Jika siasatan mendedahkan bahawa Pemegang Kad terlibat di dalam perlakuan sebarang caj tanpa kebenaran, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas semua caj tanpa kebenaran yang ditanggung, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas pihak Bank menerima pengesahan bertulis yang berkaitan. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, transaksi yang tidak dibenarkan seperti yang dinyatakan diatas merujuk kepada transaksi belian runcit dan bukan transaksi Kad ATM. Transaksi Kad ATM merangkumi kedua-dua pengeluaran tunai dan transaksi tunai antara bank yang dilakukan dengan Kad Debit. Dengan ini dipersetujui bahawa pihak Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk memastikan baki semasa yang ditetapkan oleh pihak Bank tidak terlebih-guna.

- 7.5 Tanpa mengambil kira Klausula 7.4 di atas, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi PIN yang tidak diizinkan jika dia:
- Melakukan penipuan;
 - Lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
 - Mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
 - Merekodkan PIN anda pada Kad Debit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan Kad Debit anda.
- 7.6 Tanpa mengambil kira Klausula 7.4 di atas, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa izin yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan jika dia:
- Melakukan penipuan;
 - Lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
 - Meninggal Kad Debit anda atau benda yang mengandungi Kad Debit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
 - Membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit anda secara sukarela.
- 7.7 Pihak Bank boleh, atas permintaan Pemegang Kad, tetapi tanpa dipertanggungjawabkan dalam undang-undang, mengganti Kad Debit yang hilang, dicuri atau rosak dengan mengenakan bayaran fi. Penggantian Kad Debit adalah tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Terma dan Syarat ini sebagaimana Kad Debit asal.
- 7.8 Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad Debit kepada pihak Bank untuk dipotong setengah sebaik sahaja tamat atau apabila diminta oleh Bank selepas pembatalan, pembatalan atau penggantungan oleh pihak Bank atau apabila diketahui Kad Debit selepas pemberitahuan kehilangannya, dicuri atau rosak dan hendaklah tidak mempunyai apa-apa hak lagi penggunaan Kad Debit.

8.0 Penamatan oleh Pemegang Kad

- 8.1 Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa, menamatkan penggunaan Kad Debit dengan memberikan maklumat bertulis kepada pihak Bank dan mengembalikan Kad Debit yang dipotong dua kepada pihak Bank. Tiada kembalikan Fi atau sebahagiannya akan dibuat kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Debit sebelum pihak Bank menerima maklumat bertulis mengenai penamatan dan pengembalian Kad Debit dipotong dua kepada pihak Bank.

9.0 Fi, Komisyen dan Caj

- 9.1 Pihak Bank berhak untuk mengenakan Fi untuk Perkhidmatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran Kad Debit, Penyata bulanan dicetak, Yuran Penggantian Kad, Fi Pengeluaran Tunai melalui rangkaian MEPS, terminal VISA PLUS/MasterCard Cirrus dan Bank Antarabangsa, Dapatan Semula Draf Jualan dan Fi Bayaran Tahunan. Selain daripada Bayaran Fi tersebut, transaksi yang dijalankan melalui Perkhidmatan akan dikenakan caj dan komisen biasa. Bagi tujuan pengutipan Yuran, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju untuk

memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun dengan Yuran, komisyen dan/atau caj yang berkenaan. Sekiranya Pemegang Kad tidak memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun dengan Yuran, komisyen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju bahawa kegagalan pembayaran Yuran, komisen dan/atau caj bagi Perkhidmatan boleh menjejaskan Perkhidmatan yang disediakan sehingga semua yuran, komisyen dan/atau caj yang telah dibayar dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad.

- 9.2 Pemegang Kad bersetuju untuk membayar semua fi, komisen dan/atau caj yang dikenakan dalam klausa ini dan membenarkan pihak Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad, tanpa mengambilkira pendebitan tersebut mungkin menyebabkan Akaun terlebihguna. Bayaran, komisen dan/atau caj yang dikenakan pada kadar berikut atau kadar lain yang ditetapkan oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya untuk membuat pemindahan dari semasa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad untuk transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit:

| Penerangan Fi & Yuran | Fi/Yuran (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) |
|---|---|
| Fi Pengeluaran Akaun Simpanan Asas/-i/Semasa Asas/-i ("BSA/BCA-i") Generic/Junior Kad Perbankan Prioriti ("PB") Kad Karakter | Tiada Yuran RM8.00 setiap kad Tiada Yuran RM12.00 setiap kad |
| Fi Tahunan BSA/BCA-i/PB Akaun Simpanan/Semasa/-i selain daripada Akaun Simpanan Asas/Semasa Asas/-i | Tiada Yuran RM8.00 setiap kad |
| "Tiada Yuran" adalah terpakai jika Kad Debit hanya dipautkan dengan BSA/BCA-i. Jika sebaliknya, Fi Pengeluaran dan Tahunan akan dicaj. | |
| Fi Penggantian Kad** PB BSA/BCA-i Akaun Simpanan/Semasa/-i selain daripada Akaun Simpanan Asas/Semasa Asas/-i <i>**Bagi kerosakan Kad ATM/Debit disebabkan kesalahan Pemegang Kad, kehilangan/kecurian, penukaran daripada Kad Debit Generic kepada Kad Debit Hello Kitty/Transformers atau sebaliknya)</i> | RM9.00 setiap kad RM12.00 setiap kad RM18.00 setiap kad |
| Pengeluaran Wang Tunai di ATM: Dalam Negara <ul style="list-style-type: none"> ▪ ATM Bank ▪ ATM Bank Lain | Tiada Yuran RM1.00 setiap transaksi |
| Luar Negara | |

| Penerangan Fi & Yuran | Fi/Yuran (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Melalui Rangkaian ATM MEPS (Indonesia, Singapura, Thailand, Vietnam dan Korea) Melalui VISA PLUS/MasterCard Cirrus | <p>RM8.00 setiap transaksi</p> <p>RM12.00 setiap transaksi</p> |
| Penyata Bulanan Bercetak (ciri pilihan untuk Pemegang Kad VISA sahaja) | RM2.00 sebulan |
| Penyata Bercetak berdasarkan Permintaan Nota: RM2.00 akan dicaj untuk setiap halaman jika kenyataan kurang dari setahun atau RM5.00 setiap halaman jika kenyataan lebih dari satu tahun (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) | RM10.00 setiap permintaan |
| Fi Dapatan Semula Draf Jualan | RM20.00 setiap salinan |
| Transaksi Luar Negara | Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa/MasterCard International, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank |

9.3 Fi Tahunan tidak akan dikenakan semasa pengeluaran Kad Debit dan hanya akan dikenakan pada tarikh ulangtahun. Fi Tahunan boleh diubah oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Fi Tahunan tidak akan dikembalikan.

9.4 Penggantian Kad Debit adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam ini seolah-olah ia adalah Kad Debit asal.

10.0 Cukai kerajaan, Statutori dan/atau Regulatori Fi dan Caj

10.1 Sebarang yuran perkhidmatan dan sebarang pembayaran yang kena dibuat oleh Pelanggan kepada pihak Bank dibawah Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang jumlah yang mewakili pembayaran ganti untuk dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk Cukai dan perlu dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.

10.2 Pada sebarang masa atau keadaan dimana Pelanggan dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau menahan dari yuran perkhidmatan dan/atau semua wang lain yang kena dibayar kepada di bawah Terma dan Syarat ini berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Pelanggan dalam hal di mana potongan atau penahanan cukai diperlukan akan ditambah supaya yuran perkhidmatan dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh pihak Bank kekal dengan apa yang pihak Bank sepatutnya menerima jika sebarang potong atau pengecualian tidak dikenakan.

10.3 Sebagai penambahan atas yuran perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pelanggan kena bayar kepada pihak Bank semua bayaran Cukai pada kadar terkini dan/atau

- jumlah yang ditentukan oleh pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran Cukai/liabiliti-liabiliti Cukai/kewajipan-kewajipan Cukai yang berhubung kait, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat-syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai-Cukai yang mana mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang kena dibayar oleh anda secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dimana anda akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- 10.4 Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara pihak Bank dan pihak berkuasa pencukaian yang berkenaan bagi sebarang jumlah Cukai berkaitan sebarang bekalan yang dilakukan atau dinilai sebagai telah berlaku, yang berkaitan dengan Terma dan Syarat ini daripada pihak Bank atau segala yang berkaitan dengannya, satu pelarasan, tertakluk pada budi bicara, boleh dibuat diantara pihak Bank and Pelanggan dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut, haruslah dijelaskan sepenuhnya.
- 10.5 Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank seperti yang diperuntukkan disini adalah perlu dibayar di masa-masa sedemikian dan di sedemikian cara seperti yang akan diminta oleh pihak Bank.
- 10.6 Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan oleh pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi dengan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang percukaian yang berkaitan. Jika terdapat, Cukai baru yang telah berkuatkuasa dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang urus niaga yang termaktub di dalam Terma dan Syarat, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak Bank untuk memudahkan pihak Bank untuk mematuhi tanggungjawab Pihak Bank dibawah undang-undang tersebut.
- 10.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan,kesemua pihak terbabit dengan ini bersetuju bahawa mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar berdasarkan Terma dan Syarat ini adalah muktamad tanpa mengambil kira untuk Cukai dan tidak termasuk jumlah-jumlah yang perlu ditambah di bawah Klausula ini berkenaan dengan Cukai.
- 11.0 Had Ke Atas Transaksi Kad**
- 11.1 Kecuali diarahkan sebaliknya oleh Pemegang Kad atau Pemegang Kad tidak memilih suatu had untuk pelaksanaan transaksi melalui Perkhidmatan, pihak Bank berhak untuk menentukan dan menetapkan sebarang had sama ada dari segi amaun, kekerapan atau kegunaan mana-mana Perkhidmatan dan/atau Kod Keselamatan. Pemegang Kad boleh mengubah had ke atas Transaksi Kad yang dilakukan dengan memberikan makluman awal secara bertulis kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Pemegang Kad tidak melebihi had yang ditetapkan mahupun mematuhi permintaan Pemegang Kad supaya pihak Bank mengubah had tersebut.
- 11.2 Had Pengeluaran Tunai Harian untuk Pemegang Kad Generic dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada RM2,000, dengan had maksimum dibenarkan sebanyak RM10,000 untuk Pemegang Kad Generic dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pengeluaran Tunai Harian di mana-mana cawangan Hong Leong Bank atau ATM atau melalui Hong Leong Connect.
- 11.3 Had Belian Runcit Harian untuk Pemegang Kad Generic dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada RM3,000, dengan had maksimum dibenarkan sebanyak RM5,000 untuk Pemegang Kad Generic dan RM10,000 untuk Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan

penetapan Had Belian Runcit Harian di mana-mana cawangan Hong Leong Bank atau melalui Hong Leong Connect.

- 11.4 Had Belian Online Harian untuk Pemegang Kad Generic dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti ditetapkan pada RM1,000, dengan had maksimum dibenarkan sebanyak RM5,000 untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan Had Belian Online melalui Hong Leong Connect.
- 11.5 Had Pemindahan Harian melalui ATM dan/atau IVR untuk Pemegang Kad Generic dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada RM2,000 dengan had maksimum dibenarkan RM5,000 untuk Pemegang Kad Generic dan RM10,000 untuk Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberikan makluman awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pemindahan Harian di mana-mana cawangan Hong Leong Bank atau ATM daripada Bank.
- 11.6 Bagi mengelakkan keraguan, Had Pemindahan Harian melalui ATM dan/atau IVR adalah eksklusif daripada Had Pemindahan Harian melalui Hong Leong Connect. Urusniaga atau pemindahan dana yang dibenarkan melalui IVR adalah terhad untuk pemindahan akaun sendiri, pinjaman atau kad kredit sendiri.
- 11.7 Pemegang Kad yang ingin menukar had amaran transaksi SMS dikehendaki menulis untuk meminta untuk menukar jumlah/had yang telah ditetapkan atau memilih keluar daripada perkhidmatan had amaran transaksi SMS. Pemegang Kad boleh mendapatkan borang had amaran transaksi SMS penyelenggaraan ("Borang") dari cawangan Hong Leong Bank yang terdekat atau laman web Bank di www.hlb.com.my. Pemegang Kad hendaklah mengisi Borang dan ikut arahan yang disediakan dalam Borang untuk menukar/menarik diri daripada perkhidmatan had amaran transaksi SMS.

11A.0 Pematuhan Syariah

- 11A.1 Apabila Akaun Pembelian Runcit dikaitkan dengan Kad Debit adalah Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i, Kad Debit hanya boleh digunakan untuk pembelian barang dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah. Kad Debit tidak boleh digunakan di mana-mana saudagar runcit yang menyediakan barang dan perkhidmatan yang tidak mematuhi Syariah dan/atau untuk apa-apa transaksi yang tidak mematuhi Syariah dikategorikan mengikut Kategori Saudagar seperti yang berikut:
1. Bar, Ruang Istirahat, Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras
 2. Pakej Beer, Wine dan Minuman Keras
 3. Kedai Cigar dan Stands
 4. Urusniaga Perjudian
 5. Perjudian – Lumba Kuda, Lumba Anjing, Perjudian Dalam Talian Bukan Sukan Antara Negeri
 6. Perkhidmatan Janji Teman Social

Nota: Senarai saudagar runcit dan aktiviti tidak mematuhi Syariah di atas akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

12.0 Indemniti

- 12.1 Pemegang Kad dengan ini untuk melindungi pihak Bank sepenuhnya daripada semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos perundangan sebagaimana peguamcara dengan pelanggan sendiri) dan semua liabiliti dalam apa jua bentuk atau jenis yang mungkin dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh pihak Bank berhubung dengan atau apa jua cara yang timbul daripada peruntukan Perkhidmatan atau penerimaan sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat oleh Pemegang Kad. Liabiliti PemegangKad akan merupakan liability berterusan dan akan

kekal berkuatkuasa sepenuhnya sehingga liabiliti, jika ada, pihak Bank akan dilepaskan sepenuhnya.

13.0 Penamatan Perkhidmatan oleh pihak Bank

- 13.1 Pihak Bank boleh menamatkan Perkhidmatan dan Terma dan Syarat ini dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal kepada Pemegang Kad tanpa perlu memberikan sebarang sebab.

14.0 Budi Bicara Pihak Bank

- 14.1 Pihak Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya tidak meluluskan sebarang Transaksi Kad walaupun Baki Semasa di dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan mana-mana Transaksi Kad (contoh: iaitu terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun).

- 14.2 Pihak Bank berhak menurut budi bicaranya untuk:-

14.2.1) Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Debit sepenuhnya atau berkenaan keistimewaan tertentu.

14.2.2) Menolak untuk menerbit-semula, memperbaharui atau mengganti Kad Debit, tanpa dalam apa jua perkara, menjejaskan tanggungjawab Pemegang Kad di bawah Terma dan Syarat ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pengembalian akan dibuat untuk sebarang fi tahunan atau fi lain yang telah dibayar jika hak untuk menggunakan Kad Debit digantung oleh pihak Bank atau jika Kad Debit tidak diperbaharui atau diganti.

14.2.3) Menggantung hak Pemegang Kad menggunakan Kad Debit sepenuhnya atau berkenaan dengan keistimewaan yang dinyatakan bagi apa-apa urusan niaga dengan peniaga yang tidak halal/aktiviti yang bukan pematuhan dengan Syariah (Ini hanya boleh digunakan untuk kedua-dua Akaun Simpanan-i dan Akaun Semasa -i).

- 14.3 Tanpa prejudis kepada peruntukan lain di dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal, untuk memperkenalkan, menukar, mengubah, menghad atau menarik balik semua atau mana-mana manfaat, perkhidmatan, kemudahan atau kelebihan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Kad Debit dan/atau Terma dan Syarat ini.

15.0 Penggantungan Akaun

- 15.1 Untuk tujuan membolehkan pihak Bank mengekalkan keseluruhan liabiliti Pemegang Kad, apabila writ saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrutan atau kemuflihan Pemegang Kad atau untuk tujuan lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank, pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan untuk suatu tempoh yang wajar, sebarang wang yang diterima, diperolehi atau direalisasi selaras dengan Terma dan Syarat ini atau di bawah lain-lain jaminan atau sekuriti untuk kredit pada akaun berasingan di bawah nama Pemegang Kad sebagaimana dianggap wajar oleh pihak Bank tanpa perlu bertanggungjawab bagi pihak Bank untuk melaksanakan tindakan yang sama atau sebahagian daripadanya ke arah atau untuk membayar jumlah perlubayar dan terhutang kepada pihak Bank.

16.0 Pindahan untuk Pelunasan

- 16.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa pihak Bank boleh, mengikut budicara pihak Bank dan tanpa memberikan makluman awal, menyatu dan menggabung semua atau mana-mana akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank dalam apa jua bentuk dan di mana-mana lokasi, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau matawang lain, atau menjelaskan atau memindahkan sebarang jumlah yang ada untuk mengkredit mana-mana akaun tersebut termasuk akaun bersama di mana akaun bersama tersebut adalah di atas nama Pemegang Kad di dalam atau ke arah melunaskan semua jumlah terhutang kepada pihak Bank di bawah mana-mana akaun Pemegang Kad dengan

pihak Bank, dalam apa jua bentuk dan di mana-mana lokasi, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau matawang lain dan boleh berbuat demikian tanpa mengambilkira baki di dalam akaun tersebut dan jumlah terutang mungkin bukan di dalam matawang yang sama, dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan pihak Bank menguatkuasakan sebarang gabungan pelunasan atau pemindahan dengan pertukaran sewajarnya pada kadar tukaran pihak Bank yang akan ditentukan oleh pihak Bank mengikut budibicaranya.

17.0 Caj-Balik

- 17.1 Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana saudagar runcit atau online walau apapun puncanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penolakan daripada menerima Kad Debit atau sebarang penyata atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau sebarang kecacatan atau kekurangan produk atau perkhidmatan. Pemegang Kad hendaklah berhubung secara langsung dengan Saudagar Dibenarkan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh pihak Bank dari Akaun Pemegang Kad ke atas tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 17.2 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan Pemegang Kad untuk mencaj-balik transaksi Debit kepada Saudagar yang mana transaksi telah dibuat (jika hak caj-balik disediakan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian telah dibuat oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank secara lisan atau bertulis dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalendar daripada Tarikh Pengeposan Transaksi Kad tersebut seperti dalam Penyata dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pihak Bank (Contoh: nama Pemegang Kad, Akaun yang terlibat, tarikh dan jumlah Kad pertikaian transaksi dan sebab Pemegang Kad percaya bahawa ia adalah Transaksi Kad yang dipertikaikan) untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 17.3 Sekiranya pihak Bank melanjutkan tempoh masa untuk menyelesaikan siasatan selepas **empat belas (14)** hari kalendar dari tarikh laporan terhadap Transaksi Kad yang dipertikaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank, pihak Bank boleh:
- a) sekurang-kurangnya, sementara mengkreditkan jumlah penuh transaksi yang dipertikaikan atau Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000), yang mana lebih rendah (termasuk apa-apa faedah atau keuntungan yang berkenaan), ke dalam Akaun Pembelian Runcit tidak lewat daripada 14 hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad mengemukakan maklumat yang dinyatakan dalam Klausula 17.2 kepada pihak Bank;
 - b) kredit semula baki amaun daripada Transaksi Kad yang dipertikaikan (termasuk apa-apa faedah atau keuntungan yang berkenaan) yang merupakan amaun kurang daripada jumlah Transaksi Kad yang dipertikaikan, tidak lewat dari tiga puluh (30) hari dari tarikh pengkreditan yang pertama di mana pihak Bank telah mengkreditkan sementara amaun ke dalam Akaun Pembelian Runcit mengikut Klausula 17.3 (a); dan
 - c) membenarkan Pemegang Kad menggunakan sepenuhnya dana sementara yang dikreditkan.
- 17.4 Sekiranya Pemegang Kad dikehendaki membayar jumlah transaksi atau Saudagar Dibenarkan telah mengembalikan jumlah transaksi tersebut secara langsung kepada Pemegang Kad, pihak Bank berhak mendebitkan amaun berkenaan daripada Akaun Pembelian Runcit.
- 17.5 Tanpa mengambilkira dan tanpa prejudis kepada sebutan umum Klausula di dalam Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa:
- a) penggunaan Kad Debit adalah atas risiko Pemegang Kad sendiri dan Pemegang Kad hendaklah menanggung semua risiko yang berkaitan atau yang timbul daripada penggunaan Kad Debit;
 - dan
 - b) Pemegang Kad tidak boleh membuat atau cuba untuk membuat apa-apa dakwaan palsu, penipuan atau menyalahi undang-undang berkenaan dengan Transaksi Kad yang dipertikaikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pihak Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya untuk memulakan dan memulakan tindakan undang-undang dan/atau apa-apa prosiding lain sebagaimana yang pihak Bank fikirkan perlu terhadap Pemegang Kad setelah

pihak Bank menemui atau menyedari tentang apa-apa tuntutan yang palsu atau penipuan atau menyalahi undang-undang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Transaksi Kad yang dipertikaikan.

- 17.6 Pihak Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan perundangan dan/atau apa-apa prosiding lain yang dianggap perlu oleh Bank termasuk melaporkan apa-apa laporan yang sesuai atau perlu dengan pihak berkuasa yang berkaitan, terhadap Pemegang Kad yang melengahkan, menghalang dan/atau menyembunyikan maklumat penting daripada pihak Bank, membuat atau cuba untuk membuat tuntutan palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi, menyiarkan tuntutan palsu di media tradisional atau sosial, dan/atau membuat laporan polis palsu mengenai apa-apa transaksi.

18.0 Faedah Bonus

- 18.1 Semua Pemegang Kad dengan Akaun sah yang berikut (“Akaun yang Layak”) sebagai Akaun Pembelian Runcit adalah layak untuk Faedah Bonus:
- I. Akaun Pay&Save Hong Leong
 - II. Akaun One Hong Leong (tanpa overdraf)

- 18.2 Pemegang Kad berhak untuk mendapat Faedah Bonus pada Akaun yang Layak apabila mereka menggunakan Kad Debit untuk Transaksi Pembelian Runcit minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam satu resit (“Transaksi yang Layak”)

- 18.3 Faedah Bonus dianugerah berdasarkan bilangan Transaksi Layak kumulatif untuk bulan tersebut:

| Transaksi Layak Sebulan | Faedah Bonus setahun |
|-------------------------|----------------------|
| 1 | 0.12% |
| 2 | 0.24% |
| 3 | 0.36% |
| 4 | 0.48% |
| Lima atau lebih | 0.80% |

- 18.4 Transaksi Layak mestilah berjaya dicatatkan dalam sistem Hong Leong Bank Berhad dan mana-mana pembalikan Transaksi Pembelian Runcit adalah tidak layak untuk Faedah Bonus.
- 18.5 Tarikh Kemaskini untuk Transaksi Layak akan digunakan untuk mengira Faedah Bonus.
- 18.6 Bagi mengelakkan keraguan, jika tarikh dan masa Transaksi Layak yang dicatatkan dalam sistem Hong Leong Bank berbeza daripada tindakan Pemegang Kad, tarikh dan masa yang direkod dalam system Hong Leong Bank akan digunapakai.
- 18.7 Faedah Bonus dikira secara bulanan berdasarkan Baki Purata Bulanan (“MAB”) dan dikreditkan pada satu (1) haribulan berikutnya.

$$\text{Faedah Bonus} = \text{MAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Nota:

MAB = Jumlah baki hari akhir/Jumlah bilangan hari dalam bulan

Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan/Bilangan hari dalam tahun (cth. 365 hari)

Kadar (R) = Faedah Bonus berdasarkan bilangan Transaksi Layak

- 18.8 Faedah Bonus maksimum yang dianugerah kepada Pemegang Kad adalah dihadkan kepada **Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30)** setiap bulan.
- 18.9 Faedah Bonus tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, cek, kredit, atau manfaat barangan.

19.0 Transaksi Luar Negara

- 19.1 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk melakukan Transaksi Kad di luar Malaysia (“Transaksi Luar Negara”) di mana terdapat Saudagar Dibenarkan dan/atau Saluaran Tunai yang dibenarkan dengan syarat bahawa Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan Transaksi Luar Negara yang akan dilaksanakan pada Kad Debit yang berkaitan Klausa 20.1 di dalam ini.
- 19.2 Semua Transaksi Luar Negara melalui transaksi ATM dan Transaksi Kad adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada di negara di mana transaksi dilakukan. Untuk semua Transaksi Kad, kadar tukaran, di mana berkaitan, adalah kadar tukaran serta-merta semasa pada tarikh transaksi.
- 19.3 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk pengeluaran tunai melalui ATM tertentu yang dipasang di negara yang diluluskan sebagaimana ditetapkan oleh pihak Bank dan/atau mana-mana VISA International/MasterCard Worldwide tertakluk bahawa semua caj yang dikenakan oleh VISA International/MasterCard Worldwide dan/atau pihak Bank termasuk semua caj yang dinyatakan di bawah.
- 19.4 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad Debit di ATM dan outlet Saudagar di bawah rangkaian VISA International/MasterCard Worldwide di luar Malaysia, transaksi akan dicaj menggunakan matawang rasmi negara tersebut dan ditukar ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang mungkin ditentukan oleh VISA International/MasterCard Worldwide menurut budi bicaranya.
- 19.5 Transaksi Kad yang dilakukan menggunakan matawang lain selain Ringgit Malaysia akan didebit ke Akaun selepas ditukarkan ke Ringgit Malaysia, pada kadar tukaran yang ditentukan oleh VISA International/MasterCard Worldwide pada hari tukaran. Transaksi Kad yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa International/MasterCard Worldwide, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh pihak Bank (atau suatu amaun yang akan ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal) yang dikenakan oleh pihak Bank.

20.0 Keperluan Memilih-masuk bagi Transaksi Luar Negara dan Transaksi Kad-Tidak-Hadir

- 20.1 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa Urus Niaga Luar Negara dan/atau Transaksi Kad-Tidak-Hadir melainkan jika beliau telah memberi arahan beliau untuk tidak dikecualikan untuk melaksanakan Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Kad-Tidak-Hadir melalui Hong Leong Connect, ATM Bank, kunjungi mana-mana cawangan Bank atau hubungi Pusat Hubungan Bank di **03 – 7626 8899**, jika tidak, Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Kad-Tidak-Hadir akan ditolak.

21.0 Platform Pembayaran atau Rangkaian

- 21.1 Walaupun Kad Debit Bank menyokong MyDebit yang hanya boleh digunakan di dalam Malaysia, dan VISA/MasterCard yang diterima di dalam Malaysia dan di luar negara, apabila Kad Debit digunakan di Saudagar Runcit yang dibenarkan di Malaysia, ia adalah tertakluk kepada pilihan rangkaian Saudagar Runcit yang dibenarkan (iaitu sama ada MyDebit atau VISA/MasterCard) bagi tujuan memproses pembayaran.
- 21.2 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk meminta Saudagar Runcit yang dibenarkan untuk menukar rangkaian Kad Debit yang mereka pilih.

22.0 Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Terpakai

- 22.1 Terma dan syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya, pihak Bank bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Pemegang Kad dan dan mana-mana pihak di Malaysia dan/atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dan Pemegang

Kad bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa tak khusus Mahkamah Malaya dan Sabah dan Sarawak dalam semua hal yang berkaitan dengan obligasi dan tanggungannya di bawah atau yang timbul daripada Akaun dan Terma dan Syarat ini.